

PM umum 42 peluang perniagaan inovatif
Utusan Online
20 April, 2012

PUTRAJAYA 19 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan 42 peluang perniagaan inovatif yang berpotensi menjana pendapatan RM1 bilion selepas tiga tahun.

Beliau berkata, kesemua projek yang merupakan hasil kajian universiti dan pusat-pusat penyelidikan tempatan itu dikenal pasti berpotensi besar untuk dikomersialkan bagi menjana pulangan dan kekayaan untuk syarikat dan negara.

Kata Perdana Menteri, syarikat tempatan boleh membida projek-projek tersebut dalam tempoh sebulan manakala Majlis Tadbir Urus Agensi Inovasi Malaysia (AIM) akan membuat keputusan muktamad untuk memilih bidaan terbaik.

"Sebanyak 42 peluang ini akan diiklankan di semua akhbar utama dalam pelbagai bahasa mulai esok. Maklumat peluang perniagaan ini juga boleh dimuat turun melalui laman web www.innovation.my.

"Saya berharap syarikat-syarikat perniagaan akan memperhalusi 42 peluang yang ditawarkan ini," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat keempat Majlis Tadbir Urus AIM di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Najib berkata, pengumuman 42 projek perniagaan baru itu merupakan permulaan kepada usaha untuk memperluaskan peluang-peluang inovasi di negara ini.

"Selepas ini Khazanah Harta Intelek Malaysia (KHIM) akan memperluaskan peluang inovasi dan berperanan sebagai pusat sehati kepada syarikat untuk mencari peluang baru.

"Melalui cara ini syarikat swasta kecil dan besar berpeluang untuk mempelbagaikan perniagaan dan mendahului pesaing-pesaing mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mempertimbangkan pemberian pinjaman dan insentif berdasarkan setiap kes yang berlainan.

Mengulas perkara yang sama, Ketua Pegawai Eksekutif AIM, Mark Rozario berkata, walaupun insentif khas tidak diwujudkan, tetapi pihaknya akan membantu syarikat berkenaan untuk memohon bantuan daripada agensi dan kementerian berkaitan berdasarkan bidang yang diceburi.

Beliau berkata, buat permulaan hanya syarikat tempatan dibenarkan untuk membida 42 peluang perniagaan yang ditawarkan tersebut.

"Kita mahu mendahulukan syarikat tempatan, tetapi jika tiada bidaan daripada syarikat tempatan selepas sebulan maka kita akan membuka peluang kepada syarikat asing," katanya

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0420&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm